



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**MAJLIS ANUGERAH KANTIN BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2014**

**PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM (SACC)  
2 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

---

Pada tahun 2014, sehingga bulan Ogos sebanyak 12,122 kes kejadian keracunan makanan dilaporkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 peratus yang melibatkan 5,265 kes disyaki akibat makanan yang disediakan di kantin atau dapur asrama sekolah. Kementerian Kesihatan memandang serius perkara ini kerana ia boleh menjejaskan pembelajaran pelajar sekolah.

Semenjak tahun 2010, kejadian kes keracunan makanan disebabkan penyediaan makanan di kantin dan dapur asrama sekolah seluruh negara semakin meningkat. Bilangan kes keracunan makanan berpunca daripada makanan yang dijual di kantin dan dapur asrama pada tahun 2010 adalah sebanyak 3,822 kes dan telah meningkat kepada 3,959 kes pada tahun 2011, 4,305 kes pada tahun 2012 dan terus meningkat kepada 5,017 kes pada tahun 2013.

Kejadian keracunan makanan sering dikaitkan dengan pengendalian makanan yang tidak bersih. Pada tahun 2013, sebanyak 16,399 kantin dan dapur asrama diperiksa dan daripada jumlah tersebut, sejumlah 246

telah diarah tutup kerana tahap kebersihan yang tidak memuaskan. Manakala sehingga Julai 2014, sebanyak 9,780 kantin dan dapur asrama diperiksa di mana sebanyak 98 telah ditutup atas kesalahan yang sama.

Pertandingan Kantin Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan 2014 dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Sebanyak 95 buah kantin yang meliputi sekolah menengah bandar, sekolah menengah luar bandar dan dewan makan asrama yang berjaya mewakili negeri masing-masing menyertai majlis peringkat kebangsaan pada kali ini.

Ini merupakan salah satu usaha untuk menangani kes keracunan makanan yang kerap berlaku di kalangan pelajar sekolah. Majlis Anugerah ini merupakan anugerah tahunan bagi memberi pengiktirafan kepada kantin dan dewan makan asrama yang memenuhi tahap kebersihan dan penyediaan makanan yang bersih, selamat dan sihat.

Penganjuran majlis ini dapat menjadi pemangkin semangat warga sekolah dan pengusaha kantin untuk terus mengekalkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan di kantin sekolah. Diharapkan usaha ini dapat mengurangkan kejadian keracunan makanan di kalangan pelajar yang merupakan aset negara.

**DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
2 OKTOBER 2014

**PEMENANG ANUGERAH KHAS JURI PERINGKAT KEBANGSAAN 2014**

<b>KATEGORI</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>HADIAH (RM)</b>
PENGLIBATAN PIBG	Pahang	SMK (LKTP) Jengka 16	Felda Sena Jengka 16, 26400, Bandar Pusat Jengka, Maran, Pahang	1,000.00
INOVASI (Projek Membuat Sabun Cecair daripada Minyak Terpakai)	Pulau Pinang	SMK Penanti	Kubang Semang 14400, Kubang Semang Pulau Pinang	1,000.00
GURU KANTIN	Pahang	<b>Norizan binti Sohok</b> SMK (LKTP) Jengka 16	Felda Sena Jengka 16, 26400, Bandar Pusat Jengka, Maran, Pahang	500.00
PENGUSAHA KANTIN	WPKL	<b>Rosmaszaita binti Nazir</b> SMK Aminuddin Baki	Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur	500.00

**SENARAI PEMENANG KATEGORI KANTIN SEKOLAH MENENGAH (BANDAR)  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2014**

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>HADIAH (RM)</b>
JOHAN	WPKL	SMK Aminuddin Baki	Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur	3,000.00
KEDUA	Terengganu	SMK Sura	Kg. Sura Tengah, Dungun, Terengganu Darul Iman	2,500.00
KETIGA	Kelantan	SMK Dato Mahmud Paduka Raja 2	17500 Tanah Merah, Kelantan	2,000.00

**SENARAI PEMENANG KATEGORI KANTIN SEKOLAH MENENGAH (LUAR BANDAR)  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2014**

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>HADIAH (RM)</b>
JOHAN	Pahang	SMK (LKTP) Jengka 16	Felda Sena Jengka 16, 26400, Bandar Pusat Jengka, Maran, Pahang	3,000.00
KEDUA	Kelantan	SMK Sg.Pinang	Palekbang 16040, Tumpat Kelantan	2,500.00
KETIGA	Negeri Sembilan	SMK Jelai (F)	Felda Jelai 73480, Gemas Negeri Sembilan	2,000.00

**SENARAI PEMENANG KATEGORI KANTIN SEKOLAH MENENGAH  
(DEWAN MAKAN ASRAMA) PERINGKAT KEBANGSAAN 2014**

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>HADIAH (RM)</b>
JOHAN	Pulau Pinang	SMK Penanti	Kubang Semang 14400, Kubang Semang Pulau Pinang	3,000.00
KEDUA	Melaka	<b>SMA Al-Ehya El-Karim</b>	Tanjung Bidara 78300, Masjid Tanah Melaka	2,500.00
KETIGA	Kelantan	SMK Kubang Bemban	Km2 Jln Meranti 17000, Pasir Mas Kelantan	2,000.00